

ANALISIS KUANTITATIF PERKATAAN-PERKATAAN DALAM SURAH *AL-MU’AWWIDHĀT*

Oleh:

Raja Jamilah Raja Yusof *

Zulkifli Mohd Yusoff **

Abstract

There are three surahs which are categorized as al-Mu’awwidhāt. They are al-Ikhlas, al-Falaq and al-Nās. Rasullullah saw encourages the recitation of these surahs each time after prayer to protect the reciters from the danger of the evil doings of human. This article also puts forward the virtues of surah al-Mu’awwidhāt, analyses the total number of words and comparison of words in the surahs. The results of the analysis will be put forward in the form of graphs and tables.

PENDAHULUAN

Al-Ta‘awudh berasal bagi perkataan عاذ، يعوذ، عوذا، وعيادا yang membawa makna عاذه باليه dan اعتصمه . Jika disandarkan kepada kata akar iaitu العوذ maka ia bermaksud pengharapan, perlindungan, penjagaan dan naungan)¹. Contohnya ialah أَعُوذُ بِاللّٰهِ وَأَتَسْجُى إِلَيْهِ العوذ بالله من الشيطان الرجيم (aku memohon berlindung dengan Allah dan aku berharap padaNya). Oleh kerana itu *al-Mu’awwidh* diertikan sebagai sesuatu yang digunakan untuk berlindung (melindungi). Apabila dinisbahkan kepada surah iaitu “surah *al-Mu’awwidhāt*” maka ia bermaksud surah-surah yang dengannya dimohon perlindungan daripada Allah.

* Raja Jamilah Raja Yusof, M.A, Pensyarah di Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Zulkifli Hj Mohd Yusoff, Ph.D, Prof. Madya di Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹ Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-‘Arab*. j.3. Beirūt: Dār Ṣādir, h. 498-499; Muhammad bin Abū Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī (1995), *Mukhtār al-Sihah*, Beirūt: Maktabah Lubnān, h. 193.

Ramai yang tidak menyedari kewujudan surah *al-Mu'awwidhāt*. Ini kerana perbincangan yang biasa berlaku di kalangan kebanyakan penulis adalah mengenai surah *al-Mu'awwidhatayn* iaitu Surah al-Falaq dan Surah al-Nās.

Al-Mu'awwidhāt ialah satu nama yang dirujuk kepada tiga surah iaitu al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nās. Penamaan ini kelihatan agak janggal kerana dari sudut zahir surah al-Ikhlas tidak mengandungi sebarang makna *al-ta'awwudh*. Unsur *al-ta'awwudh* tidak begitu jelas sepertimana yang ditunjukkan oleh kedua surah al-Falaq dan al-Nās. Kedua-dua surah ini telah menunjukkan elemen itu sejak dari permulaan ayat.

Sekalipun begitu, Imām Ahmad, Abu Dawud, al-Tirmizi dan al-Nasa'i dalam sepotong riwayat mereka ada menyebutkan bahawa 'Uqbah bin 'Āmir ada memberitahu bahawa Baginda telah menamakan ketiga-tiga surah di atas sebagai *al-Mu'awwidhāt*. Kata 'Uqbah: "Rasulullah (s.a.w) telah menyarankan kepadaku agar membaca setiap kali lepas sembahyang surah *al-Mu'awwidhāt*."²

عن عقبة بن عامر قال: أمرني رسول الله صلى الله عليه وسلم أن أقرأ بالمعوذات في دبر كل صلاة

Maksudnya: '*Uqbah bin 'Āmir telah meriwayatkan dengan berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah menyuruhku membaca *al-Mu'awwidhāt* setiap kali selepas solat.*'

Ramai ahli Tafsir al-Qur'an memberi keterangan terhadap perkataan *al-Mu'awwidhāt* sebagai Surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nās³ dengan memberikan beberapa alasan yang munasabah dan boleh diterima akal.

² Sunan Abī Dawūd (1969), Kitāb al-Šalāh, Bāb al-Istighfār, no. 1523, h. 181, j.2, Syria: Dār al-Ḥadīth; Sunan al-Turmudī, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb Mā Jā'a fī al-Mu'awwidhatayn, no.3067, h. 173 (Tuhfah al-Āhwadī bi Syarḥ Jāmi' al-Turmudī, j.8, Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah), Sunan al-Nasā'ī, Kitāb al-Sahw: Bāb: Al-Amr bi qira'ah *al-Mu'awwidhāt* ba'da al-Taslīm min al-Šalāh, no.1335, h.77 (Sunan al-Nasā'ī bi Syarḥ al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, j.3, Beirūt: Dār al-Ma'rifah).

³ Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1992), *Tafsīr al-Ṭabarī al-Musammā Jāmi' al-Bayān fi Ta'wīl al-Qur'ān*, J.12. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 745-751, 753; Ismā'īl bin Kathīr (1983), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, J.4. Beirūt: Dār al-Ma'rifah, h. 568-575; Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1993), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, J.1. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 170-173, 178-180; Fakhr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar al-Rāzī (1990), *al-Tafsīr al-Kabīr Aw Mafātiḥ al-Ghayb*, J.16. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 162, 172-182.

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu’awwidhāt*

Sebagaimana telah diterangkan di atas, *al-Mu’awwidhāt* bermaksud “memberi perlindungan” di mana melalui surah ini kita memohon perlindungan Allah SWT daripada gangguan makhluk-makhluk yang jahat. Bagi surah al-Nās dan al-Falaq sebab penurunan surah ini adalah jelas iaitu dua-dua surah ini diturunkan rentetan peristiwa Nabi Muhammad s.a.w. terkena sihir. Kedua-dua surah ini adalah surah Madaniyyah yang diturunkan semasa Baginda s.a.w. berada di Madinah. Manakala surah al-Ikhlaṣ telah diturunkan lebih awal iaitu semasa di Mekah. Ibn Ḥajar berpendapat, walaupun ayat-ayat di dalam surah al-Ikhlaṣ ini tidak menyatakan secara langsung tentang persoalan *al-ta’awwudh* tetapi sifat-sifat Allah SWT yang dinyatakan di dalam ayat ini menepati sifat *al-ta’awwudh*. Beberapa orang ulama’ Tafsir al-Qur’ān telah mengulas tentang peranan surah al-Ikhlaṣ ini yang dibaca bersama-sama dengan surah al-Falaq dan surah al-Nās.

Imām al-Qurṭubī di dalam kitab tafsir beliau, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* menyebut bahawa Baginda s.a.w. membaca surah ini bagi memohon perlindungan dari Allah SWT terhadap perbuatan sihir orang Yahudi.⁴

Ibn Kathīr turut mengulas di dalam *Tafsīr al-Qur’ān al-Ażīm* bahawa sebab penurunan surah al-Falaq dan al-Nās adalah untuk merungkaikan sihir Yahudi yang ditujukan kepada Nabi s.a.w. Setiap satu ayat merungkaikan satu ikatan sihir.⁵

Terdapat beberapa hadis yang merujukkan *al-Mu’awwidhāt* kepada ketiga-tiga surah ini. Imām al-Bukhārī telah meriwayatkan sebuah hadis daripada Aisyah r.a. yang menunjukkan amalan Baginda sebelum tidur adalah membaca tiga surah. Surah-surah itu ialah al-Ikhlaṣ, al-Falaq dan al-Nās.

عن عائشة أن النبي صلى الله عليه وسلم كان إذا أوى إلى فراشه كل ليلة جمع كفيه
ثم نفث فيهما فقرأ فيهما: قل هو الله أحد، وقل أعوذ برب الفلق، وقل أعوذ برب
الناس؛ ثم يمسح بهما ما استطاع من جسده يبدأ بهما على رأسه ووجهه وما أقبل من
جسده يفعل ذلك ثلاث مرات

Maksudnya: Aisyah r.a. meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. pada setiap malam semasa hendak tidur akan menadah kedua tangannya kemudian meniup pada keduanya sambil membaca padanya ayat

⁴ Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *op.cit.*, h. 172.

⁵ Ismā’īl bin Kathīr, *op.cit.*, h. 573-574.

قل أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ *dan* قَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ , kemudian Baginda menyapu kedua-dua tangannya ke seluruh tubuh sekadar terjangkau, Baginda memulai dengan kepala, muka dan bahagian depan tubuh sebanyak tiga kali.⁶

Di dalam sebuah hadith yang lain, Aisyah (r.a) turut menyebut tentang surah-surah *al-Mu’awwidhāt* ini.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اشْتَكَى يَقْرَأُ عَلَى نَفْسِهِ بِالْمَعْوِذَاتِ وَيَنْفِثُ، فَلَمَّا اشْتَدَ وَجْهُهُ كَنْتُ أَقْرَأُ عَلَيْهِ وَأَمْسِحُ يَدِهِ رَجَاءً بِرَكْتَهَا

Maksudnya: *Aisyah r.a. telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. apabila merasa sakit Baginda akan membacakan kepada dirinya surah *al-Mu’awwidhāt* dan meniupkan pada dirinya. Apabila Baginda merasa terlalu amat sakit aku tolong membacakannya dan aku sapukan tangannya mengharapkan keberkatannya.*⁷

Hadith ‘Uqbah sebelum ini turut menyebut tentang perintah Rasulullah s.a.w. agar beramal dengan surah-surah ini setiap kali selepas solat.

Ketiga-tiga surah ini turut disarankan oleh Rasulullah s.a.w. untuk dibaca setiap kali waktu pagi dan petang. Sabda Nabi s.a.w.:

قَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ وَالْمَعْوِذَاتِ حِينَ تَمْسِي وَتَصْبِحُ

Maksudnya: Katakan (bacalah) “*Dialah Allah Yang Satu (Surah al-Ikhlas) dan dua *al-Mu’awwidhatayn* pada waktu petang dan waktu pagi*”.⁸

⁶ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’ il al-Qur’ān, Bāb Faḍl *al-Mu’awwidhāt*, hadis no. 5017 dlm. Ibn Ḥajar al-’Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. j. 9. Riyād: Dār al-Salām.

⁷ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Ṭibb, bab 32 al-Ruqā bi al-Qur’ān wa al-Mu’awwidhāt, hadis 5735 dlm. Ibn Ḥajar al-’Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. j. 10. Riyād: Dār al-Salām; Sunan Abū Dawūd, Kitāb al-Ṭibb, Bāb Kayf al-Ruqā, hadis 3902, h. 224, j. 2, Syria: Dār al-Ḥadīth 1969).

⁸ Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Isti’ādhah, hadis no. 5443, h. 642 dlm. Sunan al-Nasā’ī bi Syarḥ al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, j. 8, Beirūt: Dār al-Ma’rifah.

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu’awwidhāt*

Justeru, jelas sekali bahawa penamaan ketiga-tiga surah ini sebagai surah *al-Mu’awwidhāt* adalah tepat sebagaimana yang dapat difahami melalui hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Apa yang jelas, penamaan sebagai *al-Mu’awwidhāt* bukan diasaskan kepada makna secara langsung seperti yang berlaku pada *al-Mu’awwidhatayn*. Pada *al-Mu’awwidhatayn*, Tuhan mengajar kita supaya memohon perlindunganNya agar dijauhkan dari kejahanan bisikan syaitan yang sentiasa membisikkan kejahanan ke dalam dada manusia, kejahanan makhluk yang terdiri daripada tukang sihir, kejahanan orang-orang yang dengki dan kejahanan malam apabila ia telah gelap.

Imām al-Ṭabarī telah menyebut di dalam kitab tafsirnya bahawa surah al-Nās adalah untuk memohon berlindung dengan Tuhan manusia, manakala surah al-Falaq pula adalah untuk memohon berlindung dengan Tuhan yang menciptakan waktu Subuh. Kedua-dua sifat Tuhan ini iaitu Tuhan yang menciptakan manusia dan menciptakan waktu Subuh adalah menepati sifat Tuhan Yang Esa di dalam surah al-Ikhlas. Justeru di sini kita dapat melihat pertautan yang ada di antara ketiga-tiga surah ini, meskipun waktu penurunannya adalah tidak sama. Surah al-Ikhlas dapat dikatakan sebagai pelengkap kepada surah al-Falaq dan al-Nās di dalam persoalan *al-Mu’awwidhāt*. Surah-surah ini digunakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk memohon perlindungan Allah dari sihir Yahudi.

Daripada hadis-hadis yang dikumpulkan, bolehlah dikatakan bahawa surah *al-Mu’awwidhāt* ini mengandungi keistimewaannya yang tersendiri. Ia dibaca untuk memohon perlindungan Allah daripada gangguan makhluk-makhluk jahat seperti syaitan, orang yang berhasad dengki dan sebagainya. Rasulullah s.a.w telah menyarankan supaya surah ini sentiasa dibaca setiap kali selepas solat dan juga pada waktu pagi dan petang. Selain itu, Baginda juga telah mengamalkan membaca ketiga-tiga surah ini semasa hendak tidur dan juga sewaktu Baginda sakit. Jelasnya di sini surah *al-Mu’awwidhāt* ini bukan sahaja faedahnya untuk memohon perlindungan dari Allah SWT, bahkan ia juga sebagai penawar untuk menyembuhkan penyakit dengan izin Allah.

ANALISIS KUANTITATIF

Analisis kuantitatif bermaksud pengkajian yang menilai jumlah atau bilangan. Dalam konteks artikel ini, jumlah atau bilangan adalah merujuk kepada perkataan dan ayat dalam surah *al-Mu’awwidhāt*. Terdapat beberapa kepentingan analisis kuantitatif:

- Ia dapat memberi gambaran secara kasar tentang mesej yang terkandung dalam surah *al-Mu’awwidhāt*.

- Ia boleh digunakan untuk mengenalpasti sebarang kesalahan dalam percetakan ayat sama ada dalam bentuk kertas mahupun dalam bentuk perisian komputer,
- Ia juga dapat mengenalpasti struktur sesuatu ayat atau surah secara terperinci
- Ia juga boleh dikaitkan dengan pencarian I'jāz al-Qur'ān iaitu al-I'jāz al-A'dadi (الإعجاز العددي) di mana aspek bilangan perkataan adalah antara tumpuan pemerhatian.

Analisis kuantitatif akan dilakukan terhadap perkataan dan ayat Al-Quran dalam Surah *al-Mu'awwidhāt* iaitu ayat-ayat dalam bahasa Arab. Walaupun terjemahan ayat dalam bahasa Melayu diberikan di dalam artikel ini, analisis kuantitatif tidak digunakan menggunakan ayat-ayat terjemahan. Ini adalah kerana analisis kuantitatif terhadap ayat terjemahan akan menghasilkan angka-angka yang tidak konsisten berbanding analisis kuantitatif terhadap ayat-ayat Al-Quran dalam bahasa Arab.

Surah al-Nās (Ayat 1-6)

فُلِّ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ۝ مَلِكِ النَّاسِ ۝ إِلَهِ النَّاسِ ۝ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ
الْخَنَّاسِ ۝ الَّذِي يُوَسِّعُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ۝ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ۝


Terjemahan⁹:

1. Katakalah: Aku berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan menguasai) manusia.
2. Raja Manusia.
3. Sembahan Manusia.
4. Dari kejahatan (bisikan) syaitan yang biasa sembunyi.
5. Yang membisik (kejahatan) ke dalam dada manusia.
6. Dari (golongan) jin dan manusia.

Surah ini mengandungi 6 ayat. Di dalamnya terdapat 22 perkataan. Terdapat 5 perkataan *الناس* dan 2 perkataan *الوسوس* / *يوسوس* dan *من*. Lain-lain perkataan hanya muncul sekali di dalam surah ini. Graf 1 menunjukkan perkataan-perkataan beserta jumlahnya di dalam surah al-Nās.

⁹ Berdasarkan terjemahan di dalam bahasa Indonesia, terbitan Mujamma' Malik Fahd Li Tibā'ah al-Mashaf al-Syarīf, telah ditashih oleh Lajnah Pentashih Mushaf al-Qur'ān Departmen Agama Republik Indonesia, 28 Februari 1990, h. 1122.

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu'awwidhāt*



Graf 1: Jumlah Perkataan Dalam Surah al-Nās

Surah Al-Falaq


قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ مَنْ شَرَّ مَا حَلَقَ وَمِنْ شَرِّ
غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ وَمِنْ شَرِّ
النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ

Terjemahan¹⁰:

1. Katakanlah: aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai Subuh.
 2. Dari kejahatan makhluk-Nya.
 3. Dan dari kejahatan malam apabila telah gelap gulita.
 4. Dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul.
 5. Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia dengki.

¹⁰ *Ibid.*, h. 1120.

Surah ini mengandungi 5 ayat. Di dalamnya terdapat 27 perkataan. Terdapat 4 perkataan **من** dan **شَرِّ**, 3 perkataan **إِنَّا** dan 2 perkataan **خَاصِدٍ**. Lain-lain perkataan muncul sekali dalam surah ini. Graf 2 menunjukkan perkataan-perkataan berserta jumlahnya di dalam surah al-Falaq.



Graf 2: Jumlah Perkataan dalam Surah al-Falaq

Surah al-Ikhlas

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۖ اللَّهُ الصَّمَدُ ۖ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّدْ ۖ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُورًا
أَحَدٌ


Terjemahan¹¹:

1. Katakahlah: Dialah Allah yang Maha Esa.
2. Allah yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu.
3. Dia tidak beranak dan dia tidak pula diperanakkan.
4. Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.

¹¹ Ibid, h. 1118.

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu'awwidhāt*

Surah ini mengandungi 4 ayat. Di dalamnya terdapat 17 perkataan. 3 perkataan ﷺ, 2 perkataan ﷺ، أَحَدٌ، يَوْمٌ / يَدْنٌ, وَ . Lain-lain perkataan muncul sekali dalam surah ini. Graf 3 menunjukkan perkataan-perkataan beserta jumlahnya di dalam surah al-Ikhlas.




Graf 3: Jumlah Perkataan dalam Surah al-Ikhlas

Perbandingan Jumlah Perkataan-perkataan Secara Keseluruhan Dalam Surah *al-Mu'awwidhāt*


Graf 4 dan 5 pula menunjukkan perbandingan jumlah perkataan secara keseluruhan. Jika diperhatikan Graf 5 kebanyakan daripada perkataan muncul hanya sekali iaitu 47%. Antara perkataan yang muncul paling kerap ialah وَ من sebanyak 6 kali secara keseluruhan (9%), وَ شَرٍّ sebanyak 5 kali secara keseluruhan (8%), قل and لَمْ sebanyak 3 kali secara keseluruhan (5%). Graf 4 pula menunjukkan jumlah perkataan dan ayat dalam setiap surah *al-Mu'awwidhāt*. Jumlah perkataan dalam surah

al-Mu'awwidhāt ialah 66, manakala jumlah ayat ialah 15. Walaupun Surah al-Nās mengandungi jumlah ayat yang terbanyak iaitu 6, tetapi surah al-Falaq mengandungi jumlah perkataan yang terbanyak iaitu 27.



Graf 4: Jumlah Perkataan dan ayat dalam surah *al-Mu'awwidhāt*

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu'awwidhāt*



Graf 5: Jumlah Perkataan secara keseluruhan dalam Surah *al-Mu'awwidhat*

Kaitan Perkataan Dalam Surah *al-Mu’awwidhāt* Dengan Tuhan dan Makhluk, Sifat dan Perbuatan

Jika di analisis perkataan-perkataan utama dalam surah ini berkisarkan:

- Tuhan dan makhluk, dan
- Sifat atau perbuatan.

Berikut adalah perkataan-perkataan utama berkisarkan Tuhan dan sifatnya *لَمْ يُوكِدْ* dan *رَبٌّ*, *مَلِكٌ*, *إِلَهٌ*, *خَلَقَ*, *الصَّمَدُ*, *أَحَدٌ*. Jumlah perkataan-perkataan ini ialah 9.

Manakala perkataan-perkataan utama berkisarkan makhluk dan sifat atau perbuatannya adalah:

النَّاسُ ، الْجِنَّةُ ، قُلْ ، أَغْوُذُ ، شَرٌّ ، الْوَسْوَاسُ ، الْخَنَّاسُ ، صُدُورُ ، الْفَلَقُ ، غَاسِقٌ ، وَقَبَ ،
النَّفَاثَاتُ ، الْعَقْدُ ، حَاسِدٌ

dan *حَاسِدٌ* Jumlah perkataan-perkataan ini adalah 14.

Kesan Kuantitatif Terhadap Makna

Secara umumnya jika perkataan dalam ayat-ayat al-Qur'an dipecah-pecahkan untuk dianalisis secara kuantitatif, mengikut perbincangan dalam bidang ilmu *al-Ma'āni* akan terdapat kejadian di mana makna ayat sebenar tidak kesampaian. Ini ada dibincangkan oleh Al-Rafī yang menyatakan “*tidak ada satu huruf atau baris yang diletakkan oleh al-Qur'an melainkan ia diletakkan di tempat yang amat sesuai dan unik*”.¹²

Perbincangan dalam ilmu *al-Ma'āni* tidak akan disentuh secara mendalam tetapi contoh-contoh ayat yang berkaitan dengan topik *al-Taqdīm wa al-Tak'hir*¹³ (pengawalan dan pengkemudianan) kedudukan sesuatu kalimah di dalam al-Qur'an akan diberikan. Secara khususnya fokus perbincangan adalah dari sudut *al-tarkīb* (kalimah yang sama tetapi tidak dikenalkan dalam satu bentuk susunan).

¹² Mohd Fahmi bin Abdul Khir (2002), “Pengguguran kata dan ayat: Satu analisis kemukjizatan al-Qur'ān,” *Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya*, 2002, h. 24-48.

¹³ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff (1996), “*Al-Taqdim Wa Al-Ta'khir* pada kalimat Qur'aniyyah: Satu Analisa Dari Sudut Kesan Pada Makna Ayat-ayat al-Qur'ān,” *Jurnal Usuluddin*, bil 4, Mei 1996, h. 15.

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu'awwidhāt*

Di dalam al-Qur'an ada banyak contoh kalimah-kalimah *al-tarkib*. Sebagai contoh firman Allah menerusi surah Sabā' ayat ke 2:

يَعْلَمُ مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا تَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا وَهُوَ الرَّحِيمُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi, apa yang keluar daripadanya, apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepadanya. Dan Dialah yang Maha Penyayang lagi Maha Pengampun".

Dan firman Allah menerusi surah al-Nūr ayat 5:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

"Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu dan memperbaiki (dirinya) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Dapat dilihat, perkataan *غَفُورٌ* dan *رَّحِيمٌ* telah diubah kedudukannya di dalam ayat-ayat di atas. Persoalannya ialah mengapa Allah SWT mengubah susunan kalimat Qur'aniyyah tersebut? Antara yang dapat dikesan pada perubahan ini ialah kerana konteks yang disentuh oleh kedua-dua ayat adalah berbeza. Sentuhan ayat surah Sabā' ialah dalam konteks memaparkan kudrat dan keupayaan Allah SWT, keluasan ilmu dan penguasaan taklukNya yang tiada tara. Dia mengetahui apa yang dikandung oleh perut bumi dan apa yang dibawa oleh langit. Dia yang menurunkan hujan, menghidupkan tumbuhan, mengeluarkan bunga dan menerbitkan buah. Bukankah sentuhan ayat adalah sentuhan rahmat? Dari itu amat sesuai pada ayat surah Sabā' didahulukan kalimat rahmat dan pemberian nikmat.

Konteks ayat surah Al-Nūr adalah mengenai orang-orang yang melakukan dosa kepada Allah SWT kemudian insaf, bertaubat dan sedar. Lalu Allah menyatakan bahawa Dia bersedia menerima kembali orang-orang yang ingin kembali ke pangkal jalan. Dari itu didahulukan kalimah "Maha Pengampun" dari "Maha Penyayang", kerana hak untuk mendapat kasih sayang dan nikmat-nikmat lain terhenti pada mendapat keampunan atau tidak.

Oleh itu, sudah pasti terdapat kesan terhadap makna sebenar apabila analisis kuantitatif dilakukan. Huraian kesan kuantitatif terhadap makna ayat-ayat dalam surah *al-Mu'awwidhāt* akan dilakukan mengikut turutan berikut:

- kesan kuantitatif terhadap makna surah al-Nās

- kesan kuantitatif terhadap makna surah al-Falaq
- kesan kuantitatif terhadap makna surah al-Ikhlas
- kesan kuantitatif terhadap makna ketiga-tiga surah
- kesan kuantitatif apabila mengaitkan perkataan-perkataan dalam surah *al-Mu'awwidhat* dengan Tuhan dan makhluk, sifat dan perbuataannya

Perbincangan adalah lebih mengutamakan gambaran kasar yang dapat diberikan oleh perkataan-perkataan yang di dalam surah *al-Mu'awwidhat* dan bukan tertumpu kepada makna yang paling tepat seperti perbincangan dalam ilmu *al-Ma'ani*. Ini dilakukan dengan mengaitkan perkataan-perkataan tersebut dengan nama surah-surah dalam surah *al-Mu'awwidhat*.

Kesan Kuantitatif Terhadap Makna Surah al-Nas

Jadual 1: Jumlah perkataan dalam surah al-Nas

PERKATAAN DALAM SURAH AL-NAS	JUMLAH	PERKATAAN DALAM SURAH AL-NAS	JUMLAH
قُلْ	1	شَرِّ	1
أَعُوذُ	1	بِوَسْوَاسٍ / الْوَسْوَاسِ	2
ب	1	الْخَنَّاسُ	1
رَبُّ	1	الَّذِي	1
النَّاسِ	5	فِي	1
مَلِكٌ	1	صَدُورٌ	1
إِلَهٌ	1	الْجِنَّةُ	1
مِنْ	2	وَ	1
JUMLAH	14	JUMLAH	8
JUMLAH KESELURUHAN			22

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu'awwidhāt*

Jika diperhatikan Jadual 1, perkataan **يُوسُوسُ / الْوَسُّوَسِ** dan **النَّسِ**, من adalah tiga perkataan yang tertinggi jumlahnya. Jika gambaran kasar tentang makna surah ini ingin dipertengahkan, perkataan **النَّسِ** dan **الْوَسُّوَسِ** boleh digunakan. Kaitan perkataan-perkataan ini dengan nama surah boleh dilihat secara jelas di mana perkataan **النَّسِ** iaitu perkataan yang jumlahnya yang tertinggi digunakan sebagai nama surah al-Nās.

Kesan Kuantitatif Terhadap Makna Surah al-Falaq

Jadual 2: Jumlah perkataan dalam surah al-Falaq

PERKATAAN DALAM SURAH AL-FALAQ	JUMLAH	PERKATAAN DALAM SURAH AL-FALAQ	JUMLAH
قُلْ	1	وَ	3
أَعُوْزُ	1	غَاسِيْتُ	1
بِ	1	إِذَا	2
رَبِّ	1	وَقَبَ	1
الْفَلَقِ	1	الثَّنَاثَاتِ	1
مِنْ	4	فِي	1
شَرْ	4	الْعَقْدِ	1
مَا	1	حَاسِدٍ	2
خَلَقَ	1		
JUMLAH	15	JUMLAH	12
JUMLAH KESELURUHAN			27

Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat bahawa perkataan **وَ** dan **شَرْ** adalah tiga perkataan yang tertinggi jumlahnya. Antara ketiga-tiga perkataan ini perkataan **شَرْ** boleh

digunakan untuk menggambarkan makna surah secara kasar. Walau bagaimanapun perkataan ini tidak digunakan sebagai nama surah.

Kesan Kuantitatif Terhadap Makna Surah al-Ikhlas

Jadual 3: Jumlah perkataan dalam surah al-Ikhlas

PERKATAAN DALAM SURAH AL-FALAQ	JUMLAH
قُلْ	1
هُوَ	1
اللهُ	2
أَحَدٌ	2
الصَّمَدُ	1
لَمْ	3
يَلِدُ / يُولَدُ	2
وَ	2
يَكْنِ	1
لَهُ	1
كُفُورًا	1
JUMLAH KESELURUHAN	14

Berdasarkan Jadual 3 perkataan وَ ، لَمْ ، اللَّهُ ، أَحَدٌ ، يُولَدُ / يَلِدُ adalah lima perkataan yang tertinggi jumlahnya. Diperhatikan jika perkataan كُفُورًا digunakan untuk memberi gambaran kasar, ia perlu dikaitkan dengan pasangannya iaitu لَمْ يَلِدُ dan يُولَدُ. Jika ini tidak dilakukan, perkataan كُفُورًا jika dikaitkan dengan perkataan وَ لَمْ يَلِدُ boleh memberi mesej yang salah kepada pembaca. Kaitan perkataan-perkataan

Analisa Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah *al-Mu'awwidhāt*

dengan nama surah pula adalah lebih bersifat terjemahan makna surah ini. Nama surah tidak diambil terus dari perkataan yang ada dalam surah al-Ikhlas.

Kesan Kuantitatif Apabila Mengaitkan Perkataan-perkataan Dalam Surah *al-Mu'awwidhāt* Dengan Tuhan dan Makhluk, Sifat dan Perbuatannya

Jadual 4: Jumlah perkataan dalam surah *al-Mu'awwidhāt*

PERKATAAN DALAM SURAH <i>AL-MU'AWWIDHĀT</i> YANG BERKISARKAN TUHAN DAN SIFATNYA	KEKERAPAN KEMUNCULAN PERKATAAN DALAM SURAH <i>AL-MU'AWWIDHĀT</i>	PERKATAAN DALAM SURAH <i>AL-MU'AWWIDHĀT</i> YANG BERKISARKAN MAKHLUK DAN SIFATNYA	KEKERAPAN KEMUNCULAN PERKATAAN DALAM SURAH <i>AL-MU'AWWIDHĀT</i>
		الناس	5
		الجنة	1
		فَلَّ	3
		أَعْوَدُ	2
		شَرٌّ	5
ربُّ	2	بُوَسْوِسُ / الْوَسْوَاسُ	2
مَلِكٌ	1	الْحَكَامُ	1
إِلَهٌ	1	صَدُورٌ	1
حَقٌّ	1	الْفَلَقُ	1
اللَّهُ	2	غَاصِبٌ	1
أَحَدٌ	2	وَقْبٌ	1
الصَّمَدُ	1	الْفَقَادَاتُ	1
لَمْ يَلِدْ	1	الْعَدُودُ	1
لَمْ يُوْلَدْ	1	حَاسِدٌ	2
JUMLAH PERKATAAN DI ATAS = 9	JUMLAH KESELURUHAN = 12	JUMLAH PERKATAAN DI ATAS = 14	JUMLAH KESELURUHAN = 27

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat 9 perkataan yang berkisarkan Tuhan dan sifatnya dan 14 perkataan yang berkisarkan makhluk dan sifatnya. Jumlah keseluruhan kekerapan perkataan yang disenaraikan di atas adalah sebanyak 39 (12 +27) iaitu 61%

daripada keseluruhan ayat-ayat dalam surah *al-Mu’awwidhāt*. Gambaran kasar tentang makna surah adalah lebih tepat jika dikaitkan dengan Tuhan, makhluk dan sifat-sifatnya apabila menggunakan kaedah kuantitatif.

KESIMPULAN

Surah *al-Mu’awwidhāt* terdiri daripada surah al-Nās, al-Falaq dan al-Ikhlāṣ. Jumlah perkataan dalam surah *al-Mu’awwidhāt* ialah 66, manakala jumlah ayat ialah 15. Surah al-Nās mengandungi jumlah ayat yang terbanyak iaitu 6, tetapi surah al-Falaq mengandungi jumlah perkataan yang terbanyak iaitu 27. 47% daripada perkataan-perkataan dalam surah *Muawwidhāt* muncul hanya sekali di dalam salah satu daripada tiga surah al-Nās, al-Falaq dan al-Ikhlāṣ. Lain-lain perkataan muncul sebanyak 6, 5, 3 dan 2 kali.

Kesan kuantitatif terhadap makna dalam surah *al-Mu’awwidhāt* dilihat dalam konteks gambaran kasar yang akan diberikan jika menggunakan perkataan-perkataan yang tertinggi jumlahnya atau kekerapannya. Boleh disimpulkan bahawa kaedah kuantitatif boleh memberi makna yang salah jika terdapat perkataan seperti ﷺ yang digunakan secara bersendirian apabila dipisahkan daripada pasangannya iaitu ﷺ dan ﷺ. Dalam konteks surah al-Nās, jelas dilihat perkataan yang muncul paling kerap digunakan sebagai nama surah, manakala dalam surah al-Falaq, walaupun perkataan ﴿الْفَلَاق﴾ hanya muncul sekali, ianya dijadikan nama surah tersebut. Jika perkataan-perkataan dalam surah *al-Mu’awwidhāt* dikaitkan dengan Tuhan, makhluk dan sifatnya, gambaran kasar adalah lebih tepat menggunakan kaedah kuantitatif.

Bibliografi

- Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar al-Rāzī (1990), *al-Tafsīr al-Kabīr Aw Mafātiḥ al-Ghayb*. J. 16. Beirūt: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-’Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb *Faḍl al-Mu'awwidhāt*, hadis no. 5017, j. 9. Riyāḍ: Dār al-Salām.
- Ibn Ḥajar al-’Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṭibb, bab 32 al-Ruqā bi al-Qur’ān wa al-Mu'awwidhāt, hadis 5735, j. 10. Riyāḍ: Dār al-Salām.
- Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-’Arab*. j. 3. Beirūt: Dār Ṣādir.
- Ismā’īl bin Kathīr (1983), *Tafsīr al-Qur’ān al-’Aẓīm*. J. 4. Beirūt: Dār al-Ma’rifah.
- Mohd Fahmi bin Abdul Khir (2002), “Pengguguran kata dan ayat: Satu analisis kemukjizatan al-Qur’ān,” *Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya*.
- Muhammad bin Abū Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī (1995), *Mukhtār al-Sīhah*, Beirūt: Maktabah Lubnān.
- Muhammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1993), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*. J. 1. Beirūt: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1992), *Tafsīr al-Ṭabarī al-Musammā Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*. J. 12. Beirūt: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Sunan Abī Dawūd (1969), Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Istighfār, no. 1523, j. 2, Syria: Dār al-Ḥadīth.
- Sunan Abū Dawūd (1969), Kitāb al-Ṭibb, Bāb Kayf al-Ruqā, hadis 3902, j. 2, Syria: Dār al-Ḥadīth.
- Sunan al-Nasā’ī bi Syarḥ al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, Kitāb al-Sahw: Bāb: Al-Amr bi qira’ah *al-Mu'awwidhāt* ba’da al-Taslīm min al-Ṣalāh, no. 1335, j. 3, Beirūt: Dār al-Ma’rifah.
- Sunan al-Nasā’ī bi Syarḥ al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, Kitāb al-Isti’ādhah, hadis no. 5443, j. 8, Beirūt: Dār al-Ma’rifah.
- Sunan al-Turmudhī, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb Mā Jā’ā fī al-Mu'awwidhatayn, no. 3067 (Tuḥfah al-Āhwadī bi Syarḥ Jāmi’ al-Turmudhī, j. 8, Beirūt: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah),
- Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), “*Al-Taqdim Wa Al-Ta’khīr* pada kalimat Qur’aniyyah: Satu Analisa Dari Sudut Kesan Pada Makna Ayat-ayat Al-Qur’ān,” *Jurnal Usuluddin*, bil 4, Mei 1996.

